

Sejarah masjid:

Tiga Masjid Utama Dalam Islam

Erti masjid itu asalnya ialah tempat sujud. Bukan hanya merupakan sesebuah gedung yang mempunyai bentuk yang tertentu. Setiap potong tanah di muka bumi Allah ini yang terbatas dengan sesuatu tanda atau tidak, beratap atau terdedah, jika di sana kedapatan ada orang-orang Islam mengerjakan sembahyang, meletakkan dahinya ke bumi menyembah Allah, maka tempat itu sudah boleh dikatakan masjid.

Tetapi dalam waktu-waktu yang akhir ini, kata-kata masjid itu sudah mempunyai suatu pengertian yang tertentu, suatu perumahan, gedung atau sesuatu lingkungan tembok yang dipergunakan sebagai tempat mengerjakan sembahyang, baik untuk sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat atau sembahyang Hari Raya. – Pengarang.

Oleh: Haji Abu Bakar

Di antara sekian banyaknya masjid-masjid yang ada di muka bumi ini, hanya tiga buah masjid yang dianggap mistik (besar pahala sembahyang di dalamnya. – P.) iaitu Masjid al-Haram di Makkah, Masjid al-Nabawi di Madinah dan Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis; ketiga-tiga masjid ini ialah masjid yang berbeza sungguh kedudukannya dengan masjid-masjid yang lain kerana sejarahnya dan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam dan di sekitarnya.

Bagaimana pentingnya ketiga-tiga masjid ini dalam Islam dapat kita ketahui daripada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī yang menerangkan bahawa Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah bersabda yang maksudnya:

“Tidak sebuah masjid pun boleh dijadikan tujuan perlawatan untuk diziarahi kecuali tiga buah masjid; iaitu Masjid

al-Haram, Masjid al-Aqsa dan masjidku ini.”

Hadith ini menyatakan tentang kelebihan dan keagungan masjid-masjid tersebut daripada masjid-masjid yang lain.

Tiap-tiap masjid dalam agama Islam diakui kesuciannya melebihi tempat-tempat yang lain, yang terdapat dalam masyarakat Islam, walau bagaimana indah dan besarnya. Kerana masjid itu adalah tempat sujud, tempat menyembah Tuhan; dan oleh kerana itu ia menjadi pusat perumahan dari tiap-tiap negeri dan perkampungan Islam. Berlainan halnya dengan pasar, berbeza dengan tempat-tempat yang bersifat perhubungan manusia dengan dunia semata-mata, di mana terjadinya hiruk-pikuk, di mana kadang-kadang berlaku perhubungan yang menyimpang daripada ajaran-ajaran Allah dan di mana kadang-kadang terjadi kecurangan dan perlepasan hawa nafsu. Oleh itu tidak hairan jika Nabi (S.A.W) pernah memperbandingkan

di antara kedua tempat yang sangat berbeza itu dengan sabdanya:

“Di antara tempat yang sangat dicintai Allah ialah masjid-masjid, sedang yang sangat dibenci-Nya ialah pasar-pasar dan pekan-pekan.” Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim daripada Abū Hurayrah (r.a).

Tetapi meskipun demikian masjid itu tinggal tetap menjadi tempat sembahyang, tempat mengerjakan segala amal ibadah yang menjadi perhubungan di antara manusia dengan Tuhan, bagaimana besar dan indahnyanya, bagaimana suci dan murninyanya, ia tak dapat dijadikan suatu tempat yang berupa keramat, suatu tempat untuk melepaskan nazar, suatu tujuan perjalanan, atau pelayaran yang sejak semula ditetapkan semata-mata untuk menziarahinya. Berlainan dengan tiga buah masjid yang tersebut di atas, yang oleh Junjungan kita (S.A.W) dibolehkan

Sejarah Masjid

dijadikan tujuan perantauan dengan kasad untuk menziarahinya dan bersembahyang di dalamnya. Dalam Islam masjid-masjid tersebut diakui kelebihan dan kelumiaannya¹ masing-masing, dan oleh kerana itu pada masjid-masjid yang selain daripada masjid-masjid yang tiga ini Islam menegah mengunjunginya dengan maksud ziarah.

Memang ada didapati perselisihan faham di antara alim ulama mengenai kunjungan kepada tempat-tempat lain, seperti menziarahi orang-orang soleh yang masih hidup ataupun yang sudah meninggal dunia, begitu juga menziarahi tempat-tempat yang dihormati dengan maksud untuk mendapat berkat dengan maksud untuk mendapat berkat dan untuk bersembahyang di dalamnya.

Abū Muḥammad al-Juwaynī misalnya mengharamkan mengadakan sesuatu kunjungan (dengan niat ziarah) ke sesuatu masjid yang lain daripada tiga buah masjid yang utama itu, ia memandang maksud hadith di atas dari sudut lahirnya sedang Imam Nawāwī menyalahkan pendapat Abū Muḥammad al-Juwaynī itu.


Imam Ḥaramayn dan lain-lain pengikut dari Imam Shāfi‘ī telah mengemukakan pendapatnya, bahawa merantau dengan kasad untuk mengunjungi salah sebuah tempat lain dari tiga buah masjid utama itu, tidaklah haram

dan tidak pula makruh. Mereka berpendapat bahawa maksud hadith itu sekadar untuk menyatakan tentang kelebihan dan keutamaan masjid-masjid yang tiga itu sahaja, dan orang-orang Muslimin yang bersembahyang di dalam masjid-masjid yang tiga itu akan diberi ganjaran pahala yang lebih daripada mereka bersembahyang di masjid-masjid yang lain. Maksud merantau atau menziarahi ke tempat-tempat yang bukan masjid, seperti hendak menziarahi orang-orang soleh, kaum keluarga dan sahabat handai, maka semuanya ini adalah terkeluar daripada larangan yang terkandung di dalam hadith tersebut.

Pada masjid-masjid yang tiga itu terdapat kenangan-kenangan sejarah yang murni dan tanda-tanda kebesaran Tuhan yang mengagumkan, yang mana kesan-kesannya sejak dahulu hingga sekarang tetap menjadi

pokok rangkaian sejarah Islam yang tidak ternilai hikmahnya. Perasaan-perasaan suci yang disumbangkan oleh tempat-tempat yang bersejarah itu kepada Islam dan penganut-penganutnya, tetap hidup dan terasa kembali meresap ke dalam jiwa mereka-mereka yang datang menziarahinya, sehingga segenap ingatannya kembali melayang ke zaman yang sudah lampau, di waktu pertempuran yang sehebat-hebatnya di antara hak dan batil, di antara kebenaran dan kesesatan, zaman yang telah berjaya mengeluarkan seluruh manusia dari suasana hidup yang kelim gelap ke arah suasana yang terang bercuaca.

Dengan mengunjungi ke tempat-tempat yang mengandungi sejarah itu, pasti akan mengingatkan kita kembali kepada perjuangan nabi-nabi serta pengikut-pengikutnya




Masjid al-Haram di Makkah al-Mukarramah.

¹ Perkataan sebenar ialah kemuliaannya

Sejarah Masjid.

di masa yang lampau, mengingatkan kembali kepada perlawanan utusan-utusan Allah itu menghadapi iblis dan syaitan; sehingga dengan tak dapat tiada dengan kunjungan-kunjungan itu akan timbullah semangat dan kemahuan untuk meneruskan perjuangan nabi-nabi menuju ke jalan kebenaran, guna menyelamatkan perikemanusiaan di atas muka bumi ini. Roh dan jiwa akan merasakan kesejukannya, meresap ke dalam tubuh dari kelazatan iman, sehingga para pengunjung itu kembali merasa bangga kepada kemuliaan dan keagungan Islam



Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis.

di masa-masa yang sudah, keinginannya akan bangkit dan keazamannya akan timbul terbawa oleh kesucian suasana tempat-tempat yang bersejarah itu, untuk mengikuti jejak langkah perjuangan yang telah dilaksanakan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul di zaman yang silam.

Bangsa-bangsa yang telah maju, kita lihat selalu menjaga dan mengikuti gerak perjuangan pemimpin-pemimpin mereka. Mereka memelihara apa sahaja adat kebudayaan yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka, mereka memperingati hari-hari pahlawan mereka yang telah gugur berjasa di medan-medan

perjuangan. Mereka mengagung-agungkan sifat-sifat keperwiraan penganjur-penganjur mereka yang telah pergi.

Islam sebenarnya telah lebih dahulu mengajak umatnya ke jurusan itu; tetapi ajakan Islam itu tidak untuk memuja-muja makhluk Tuhan yang membawa kepada syirik dan kekufuran; malahan Islam menyuruh pemeluk-pemeluknya merantau ke tempat-tempat suci yang mengandungi sejarah, ke tempat-tempat nabi-nabi diutus dan ke tempat munculnya kebenaran di mana lahirnya keimanan. Mereka bukan disuruh memikir dan mengenang akan jalan-jalan yang telah dirintis oleh utusan-utusan Allah demi untuk mencapai kemuliaan hidup, bukan hanya untuk segolongan manusia dan kebangsaan yang sempit, tetapi untuk menyelamatkan seluruh perikemanusiaan atas muka bumi Allah yang luas ini.

Perjuangan-perjuangan yang telah dilancarkan oleh utusan-utusan Allah itu merupakan sebagai penyelamat, dan bekas-bekas atau kesan-kesan perjuangan suci mereka itu masih dapat dilihat, masih boleh dikenang melalui tiga masjid yang utama dalam Islam. Ketiga-tiga masjid agung itu mengandungi sejarah perjuangan utusan-utusan Allah; ia membawa hikmah dan iktibar yang tidak akan habis-habisnya bagi mereka yang menziarahinya sambil merenung ke zaman lampau, ke zaman kebangkitan Islam yang gilang-gemilang.

Sejarah Masjid

Pada tabiat manusia terdapat suatu sifat gemar menghormati tempat-tempat bersejarah, gedung-gedung kuno, panorama dan bekas-bekas peninggalan lama yang mengandungi sejarah sesuatu umat atau sesuatu bangsa. Penghormatan itu timbul setelah tempat-tempat itu tinggal sepi dan sunyi dari penduduknya. Rasa kebanggaan akan timbul kembali sesudah mereka mendatangi tempat-tempat itu. Begitu pulalah halnya dengan tiga tempat yang bersejarah itu dalam Islam, ketiga-tiga tempat suci itu tidak hanya untuk menimbulkan rasa kebanggaan, tetapi juga untuk menguatkan iman, semangat dan keyakinan dalam meneruskan cita-cita perjuangan di jalan Allah dan membuka pintu kerinduan untuk mengembalikan Islam ke zaman keemasan yang pernah tercipta dengan kekuasaan Tuhan yang Maha Perkasa.

Menurut al-Qur'an Masjid al-Haram itu adalah rumah ibadah yang pertama didirikan di muka bumi ini untuk dijadikan kiblat menyembah Tuhan yang Maha Esa. Manusia yang mula-mula mendirikannya ialah Nabi Ibrāhīm di Makkah. Dari sejak dahulu Makkah telah menjadi sebuah kota perniagaan sebagai tempat manusia berulang-alik, pulang dan pergi dengan amannya.

Kaabah yang menjadi kiblat seluruh umat Islam adalah menjadi lambang tauhid, persatuan seluruh umat

manusia untuk mempererat tali persaudaraan dan mencapai perdamaian hidup di dunia. Rumah suci inilah yang hendak dicemarkan oleh orang-orang musyrikin dengan meletakkan patung-patung berhala di sekitarnya untuk disembah dan dipuja. Setelah datang Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad (S.A.W) maka cara-cara penyembahan dengan perantaraan patung-patung berhala dibasmi habis-habisan, dan Kaabah dikembalikan kepada keadaan sediakala seperti di zaman Nabi Ibrāhīm, bersih daripada segala noda dan kecemaran syirik yang menyekutukan keesaan Allah yang menjadikan Kaabah itu.

Masjid al-Haram di mana di tengah-tengahnya terletak Kaabah yang menjadi kiblat seluruh umat Islam, adalah salah satu daripada masjid-masjid tiga yang terpenting dalam Islam; ini adalah

ternyata dari keterangan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abū Dhar yang telah mengadakan beberapa pertanyaan kepada Rasulullah mengenai kedudukan Masjid al-Haram. Abū Dhar bertanya:

“Ya Rasulullah! Masjid manakah yang mula-mula didirikan di atas muka bumi ini?”


Jawab Nabi: “Masjid al-Haram.”

Kata Abū Dhar: “Sesudah itu masjid mana?”

Ujar Nabi: “Masjid al-Aqsa.”

Abū Dhar bertanya pula: “Berapa tahunkah di antara kedua-dua masjid itu?”

Nabi menjawab: “Empat puluh tahun. Kemudian setiap potong tanah bagimu menjadi masjid.



Masjid al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah

Sejarah Masjid

di mana kamu berada jika waktu sembahyang sudah tiba, bersembahyanglah kamu.”

Dalam pada itu kebesaran Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis terletak di dalam kawasan tempat-tempat yang diberkati Tuhan di sekelilingnya. Banyak makam dan kuburan nabi-nabi serta aulia-aulia Allah yang mengelilingi masjid itu, sehingga ia menjadi suatu tempat yang bersejarah dari zaman pembangunan Islam hingga ke masa ini. (Tetapi yang amat mendukacitakan kita seluruh umat Islam, masjid agung Islam itu sekarang telah berada dalam kekuasaan seteru Allah dan sedang menerima ancaman untuk dihancurkan, di atas tapak binaannya yang asal akan didirikan pula sebuah gereja Yahudi. – P.)

Jika Masjid al-Haram dan Kaabah dibina oleh Ibrāhīm, maka Masjid al-Aqsa dibina oleh Nabi Sulaymān; bahkan jika dikaji lebih jauh maka ternyata bahawa asal mulanya kedua-dua masjid itu adalah didirikan oleh Nabi Ādam *'alayhi al-salām*. Sebagai yang dikatakan oleh Ibn al-Jawzī yang diulang kembali oleh Ibn Hishām, sesudah Nabi Ādam mendirikan Kaabah, maka Tuhan memerintahkan dia pergi ke Baitul Maqdis untuk membangunkan asas Masjid al-Aqsa. Setelah anak cucu

Ādam berkembang membiak di seluruh muka bumi ini, Nabi Ibrāhīm diperintahkan Tuhan datang ke tanah Arab untuk meminta Kaabah dan Nabi Sulaymān pergi ke Baitul Maqdis untuk memperbaharui binaan Masjid al-Aqsa.

Masjid al-Aqsa menjadi sebuah masjid yang terpenting dan utama dalam Islam setelah Nabi kita Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wasallam* disakunkan oleh musuh-musuh Tuhan.

Kemudian Masjid al-Nabawi di Madinah yang menjadi benteng pertama dalam zaman kebangkitan Islam, adalah sebuah masjid yang didirikan dengan tangan Nabi Muhammad sendiri. Masjid inilah tempat beliau tiap saat sujud meletakkan dahinya ke bumi memohon kepada Allah agar Islam sentiasa berada di puncak kejayaan menentang kaum kafir musyrikin, dan masjid inilah kemudiannya menjadi kuburannya, sesudah beliau selesai menunaikan segala tugasnya terhadap Islam, menutup matanya yang penghabisan menunaikan panggilan Ilahi ke alam akhirat dengan meninggalkan umat yang sangat dicintainya.

Tentang Masjid al-Nabawi ini Abū Hurayrah pernah mendengar Rasul *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda: “Di antara rumahku dan minbarku ini terletak sepotong taman daripada taman syurga.”

Pada masa sekarang baik bekas rumah Rasulullah mahupun minbar masjidnya sudah menjadi satu, digabungkan dalam bahagian masjid besar yang dinamakan Masjid al-Nabawi atau Masjid al-Rasul.

Demikianlah kedudukan tiga buah masjid utama dalam Islam yang boleh dijadikan tujuan berziarah untuk memperingati kembali perjuangan-perjuangan suci menegakkan keagungan Islam yang dipelopori oleh Nabi Besar Muhammad (S.A.W) dan sekalian para sahabat *al-mujāhidīn*. Sesudah menziarahi ketiga-tiga masjid utama ini ataupun salah satu daripadanya, akan banyaklah ole-ole sejarah yang dapat dipungut, dibawa pulang untuk dijadikan kenangan-kenangan hidup memperbaharui tekad perjuangan di kemudian hari.

Kata-kata hikmah

Kemahuan itu kalau selalu dituruti boleh menjerumuskan seseorang ke jurang kejahatan; dan kalau ia ditahan selalu boleh menyempitkan dada dan merosakkan fikiran. Sebaik-baiknya hendaklah dikerjakan antara keduanya.

(Muhammad Ali)

* * *

Kalau seseorang itu telah sampai kepada penghabisan yang ia suka, maka hendaklah ia bersedia menerima kedatangan penghabisan yang ia tidak sukai.

(al-Zamakhshari)

* * *

Kalau engkau tua berilah nasihat; kalau engkau muda terimalah nasihat.

(Pepatah Cina).